# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# SELASA 10 DISEMBER 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | MOA RAIKAN KEJAYAAN MAT REDHO, NASIONAL, SH -15 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 2. | CUBAAN SELUDUP HASIL PERTANIAN GAGAL, SINAR NEGERI KEDAH, SH -34 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 3.<br>4. | MASALAH 900,000 PETANI SELESAI AKHIR MINGGU DEPAN, NASIONAL, BH -3<br>AGIHAN BAJA SUBSIDI BAKAL SELESAI, SINAR NEGERI SELANGOR/KL, SH -29 | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 5.<br><br>6.<br><br>7. | MALAYSIA, INDONESIA AGREE TO CREATE JOINT DEVELOPMENT AREA FOR FISHERY INDUSTRY IN OVER, NATION, CHINA PRESS -A8<br>MALAYSIA, INDONESIA TO LAUNCH SHARED-DEVELOPMENT FISHING ZONE AT SHARED WATER AT BORDER, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A3<br>12,000 PATIN DIBAWA ARUS, LOKAL, HM -22 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/12/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 15 |

# MOA raikan kejayaan Mat Redho

*Penguat kuasa Maqis harumkan nama negara dalam Sukan SEA 2019*

MOHD AZLIM ZAINURY

PUTRAJAYA



Salahuddin (kanan) menyampaikan plak penghargaan kepada Mat Redho sambil diiringi Saiful Yazan (kiri) pada satu majlis di Kuala Lumpur semalam.

Mohd Redha Rozlan atau lebih popular dengan panggilan Mat Redho mendapat penghargaan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) kerana meraih tiga pingat perak acara olahraga pada kejohanan di Sukan SEA 2019 di Filipina.

Mat Redho, 30, yang merupakan anggota penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menerima plak penghargaan yang disampaikan Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub di kementerian berkenaan semalam.

Salahuddin ketika menyampaikan ucapannya pada majlis itu berharap penguat kuasa Maqis itu terus berusaha dan tidak berputus asa untuk memperbaiki pencapaian seterusnya.

"Saya berharap saudara Mat Redho akan dapat terus bersaing dan cemerlang untuk mendapatkan pingat emas selepas ini," katanya.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Datuk Salim Parlan dan Pengarah Maqis, Saiful Yazan Alwi.

Sementara itu, Mat Redho berkata, dia tetap berpuas hati dengan pencapaiannya walaupun matlamat untuk mendapat sekurang-kurangnya satu pingat emas tidak kesampaian.

"Alhamdulillah, ALLAH sudah tetapkan rezeki saya hanya mendapat tiga pingat perak.

"Saya pun tak sangka diraikan sampai begini sekali, ingat hendak tunjuk pingat sahaja," katanya.

Menurutnya, kejayaan meraih pingat perak itu adalah hasil pengorbanan semua pihak dan pingat yang diperoleh menambahkan lagi semangat untuknya beraksi pada masa akan datang bagi meraih pencapaian lebih baik.

Malah, katanya, semua cabaran yang ditempuhi menjelang Sukan SEA 2019 itu tidak mematahkan semangatnya untuk berjuang mengharumkan nama negara meskipun menyedari ia satu tugas yang amat berat.

"Tekanan paling tinggi adalah untuk tidak membuat sebarang kesilapan walaupun sedikit sebab kepantasan penting dalam acara ini.

"Cabaran datang daripada peserta tuan rumah kerana mereka sudah tahu *layout* halangan dan turut berpeluang berlatih," katanya.

Pada Sukan SEA 2019, Mat Redho menyertai tiga acara olahraga iaitu 100 meter (m), 400m dan 4x100m berganti-ganti.

Tahun lalu, beliau mengharumkan nama negara apabila memenangi tempat pertama dalam Ninja Challenge League 2018 yang diadakan di Perth, Australia.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 10/12/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI KEDAH | 34 |

# Cubaan seludup hasil pertanian gagal

**ALOR SETAR** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kedah mematahkan cubaan membawa masuk hasil pertanian tanpa dokumen sah dari negara jiran di Durian Burung, di sini, pada Khamis lepas.

Pengarah Maqis Kedah, P Lily Rosalind berkata, pihaknya menemukan sebuah lori mengandungi hasil pertanian tanpa permit dan juga sijil fitosanitasi dipercayai diimport dari negara asal ketika melakukan pemeriksaan lanjut.

Menurutnya, sehubungan itu pihaknya merampas 240 kilogram (kg) buah mangga, 60kg cili besar, 60kg lengkuas, 20kg limau nipis, 20kg ubi keledek dan 10kg serai.

"Kesemua barangan tersebut akan dilupuskan mengikut prosedur operasi piawai yang telah ditetapkan.

"Perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit yang sah adalah menjadi suatu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3), akta yang sama," katanya.

Beliau berkata, penahanan konsainan di bawah akta tersebut bertujuan memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan mematuhi aspek kesihatan manusia serta dapat mengawal kemasukan perosak berbahaya yang boleh mengancam industri pertanian negara.

"Hal ini boleh menyebabkan pengusaha tanaman pertanian menanggung kerugian yang tinggi jika penyakit ini tidak dikawal," katanya.

Katanya, individu yang melakukan kesalahan tersebut boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.




**Antara hasilan pertanian dirampas Maqis Kedah dalam pemeriksaan di Durian Burung pada 5 Disember lepas.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/12/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 3 |

*Bekalan subsidi baja*

# Masalah 900,000 petani selesai akhir minggu depan

## NAFAS sudah mula agih baja selepas terima peruntukan RM150 juta minggu lalu

Oleh Haika Khazi
mfaizul@bh.com.my




**Phahrolrazi (dua dari kanan)** *pada majlis pelancaran Skuad Bantuan Banjir NAFAS 2019 di Petaling Jaya, semalam.*
(Foto Mustaffa Kamal/BH)

**Petaling Jaya:** Masalah bekalan subsidi baja dihadapi lebih 900,000 petani di seluruh negara, dijangka selesai sepenuhnya menjelang akhir minggu depan.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi, berkata NAFAS sudah mula mengagihkan bekalan subsidi baja kepada petani terbabit selepas Kementerian Kewangan meluluskan peruntukan tambahan kira-kira RM150 juta kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, minggu lalu.

"Kita akan mempercepatkan usaha ini kerana kebanyakan petani sudah lama menunggunya. Tambahan pula, kilang kita di Gurun, Kedah terletak tidak jauh dari kawasan pertanian, jadi kita boleh hantar bekalan baja kepada petani dalam tempoh dua minggu ini," katanya ketika ditemui selepas melancarkan Skuad Bantuan Banjir NAFAS 2019 di sini, semalam.

Sebelum ini, *BH* melaporkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani masih menunggu kelulusan Kementerian Kewangan bagi membolehkan NAFAS mengagihkan baja subsidi kepada petani di seluruh negara.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub, dipetik sebagai berkata, pihaknya memberi jaminan subsidi baja akan diagihkan segera selepas permohonan peruntukan kewangan diluluskan.

Dalam perkembangan lain, Phahrolrazi mengesahkan NAFAS akan memperuntukkan RM1 juta bagi menghulurkan bantuan kewangan kepada mangsa banjir terutama di Kelantan dan Terengganu menerusi Jawatankuasa Bencana Alam negeri dan daerah.

NAFAS juga katanya, melancarkan 'Skuad Bantuan Banjir NAFAS' sebagai salah satu program untuk memenuhi tanggungjawab sosial korporat (CSR) membantu rakyat Malaysia yang dilanda bencana alam.

"Sebagai permulaan, skuad ini akan turun padang bagi membantu mangsa banjir membersihkan laman dan kediaman masing-masing di dua negeri, iaitu Kelantan serta Terengganu dan akan digerakkan ke negeri lain jika kejadian sama berlaku," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 10/12/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI SELANGOR/KL | 29 |

# Agihan baja subsidi bakal selesai

*Nafas telah mula buat agihan dengan peruntukan RM150 juta*

ASYRAF MUHAMMAD

KOTA DAMANSARA

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menjangkakan isu agihan baja subsidi kepada pesawah untuk penanaman musim kedua selesai dalam tempoh dua minggu lagi.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi berkata, bermula minggu lalu, Nafas telah mula membuat pengagihan berkenaan dengan menggunakan peruntukan sebanyak RM150 juta.

Beliau berkata, Kementerian Kewangan (MOF) juga telah memberi kelulusan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) untuk kontrak tambahan tersebut.

"Ia akan diselesaikan secepat mungkin dan pengagihan tersebut dijangka selesai dalam tempoh dua minggu lagi," katanya kepada pemberita selepas Pelancaran Skuad Bantuan Banjir 2019 yang berlangsung di Ibu Pejabat Nafas di sini semalam.



Phahrolrazi (tiga dari kanan) membuat gimik pelepasan Skuad Bantuan Banjir 2019 di Ibu Pejabat Nafas, semalam.

Sebelum ini, Pengerusi Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Che Ani Mat Zain berkata, berdasarkan laporan awal diterima kira-kira 20,000 beg baja yang dihantar membabitkan 27 Pertubuhan Peladang Kawasan MADA Kedah/Perlis.

Menurutnya, jumlah itu tidak cukup bagi menampung permintaan seluruh 68,000 petani yang mengusahakan sawah dalam kawasan MADA dan jumlah baja yang belum dihantar adalah 1,890,000 beg.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Amiruddin Hamzah juga berharap MOA dapat menyelesaikan segera agihan baja subsidi di Kedah dan Perlis berikutan peruntukan bagi input pertanian kepada kementerian berjalan seperti biasa setiap tahun.

Dalam pada itu mengulas mengenai pelancaran skuad berkenaan, Phahrolrazi berkata, usaha itu adalah merupakan antara program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Nafas bagi membantu mangsa-mangsa banjir di Kelantan dan Terengganu.

> *"Pelancaran ini membabitkan 30 orang sukarelawan terdiri daripada kakitangan Nafas yang akan bergerak ke pusat pemindahan bagi mengagihkan bantuan yang diperlukan mengikut keperluan."*
> \- Phahrolrazi

"Pelancaran ini membabitkan 30 orang sukarelawan terdiri daripada kakitangan Nafas yang akan bergerak ke pusat pemindahan bagi mengagihkan bantuan yang diperlukan mengikut keperluan," katanya.

Tambahnya, pengurusan Nafas juga memperuntukkan sejumlah RM1 juta untuk disalurkan kepada mangsa-mangsa terlibat melalui Jawatankuasa Banjir Peringkat Negeri dan Daerah.

"Dalam konteks bantuan ini, kita tidak hanya tumpu kepada petani tapi melibatkan seluruh masyarakat yang menjadi mangsa," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Malaysia, Indonesia agree to create joint development area for fishery industry in over- | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 10 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A8 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 132 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,604 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,811 |



# 馬印同意重疊水域 設漁業共同發展區

（耶加达9日马新社讯）我国和印尼基本上同意在两国有重叠的水域，设立渔业共同发展区。

内政部长丹斯里慕尤丁说，两国重叠水域是经常发生渔民入侵和其他渔业及海洋问题的地方。

"基本上（印尼海洋和渔业部长艾迪）同意渔业共同发展区的概念，避免在该区域执法。"

慕尤丁目前在印尼进行访问，较早前，他与艾迪会谈。

他指出，两国曾于2012年签署相关课题的谅解备忘录，明年将更新。

他强调，两国须更有效地应对渔民入侵的课题，以顾及双边关系。

艾迪早前指出，印尼不会再以击沉或燃烧的方式对付入侵的外国渔船。

针对印尼上述新措施，慕尤丁说，这有助于维持两国关系。

Powered by: isentia

| Headline | Malaysia, Indonesia to launch shared-development fishing zone at shared waters at border | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 10 Dec 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A3 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 122 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,426 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,279 |



# 马印重叠水域设渔业共同发展区

**雅加达9日讯**｜我国和印尼基本上同意在两国有重叠的水域，设立渔业共同发展区。

内政部长丹斯里慕尤丁说，两国重叠水域是经常发生渔民入侵和其他渔业及海洋问题的地方。

「基本上（印尼海洋和渔业部长艾迪）同意渔业共同发展区的概念，避免在该区域执法。」

慕尤丁目前在印尼进行访问，较早前，他与艾迪进行会谈。

慕尤丁指出，两国曾于2012年签署相关课题的谅解备忘录，明年将更新。

他强调，两国须更有效地应对渔民入侵的课题，以顾及双边关系。

艾迪早前指出，印尼不会再以击沉或燃烧的方式对付入侵的外国渔船。

针对印尼上述新措施，慕尤丁说，这有助于维持两国关系。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/12/2019 | HARIAN METRO | LOKAL | 22 |

**BAH MELANDA**

# 12,000 patin dibawa arus

## *Penternak kerugian ribuan ringgit kolam seluas 0.12 hektar ditenggelami banjir*

Oleh Muhamaad Razis Ismail
razis@hmetro.com.my

**Kota Bharu**

Seorang penternak ikan kerugian ribuan ringgit selepas kolam yang menempatkan lebih 12,000 ikan patin di Kampung Kuali, Kok Lanas di sini, ditenggelami banjir, pada Ahad minggu lalu.

Dalam kejadian jam 3 pagi itu, ribuan ikan patin yang diternak di dalam kolam seluas 0.12 hektar berhampiran rumahnya itu dihanyutkan arus deras.

Faridah Mahmud, 55, berkata, suaminya, Mohd Rozi Yusof, 52, mula menternak ikan itu sejak 40 tahun untuk menyara keluarga.

Katanya, pada minggu lalu hujan lebat mengakibatkan air kolam melimpah keluar ke sungai berhampiran.




FARIDAH kerugian ribuan ringgit apabila kolam yang menempatkan ikan patin di Kampung Kuali, Kok Lanas ditenggelami banjir.

“Kejadian berlaku terlalu pantas dan kami tidak mampu berbuat apa-apa apabila air naik sehingga 0.5 meter dan pada ketika itu ribuan ikan patin dibawa arus. Banjir hanya surut tujuh jam kemudian.

“Kami sendiri tidak menyangka dilanda banjir kerana sejak tinggal di sini rumah tidak pernah dinaiki air. Malah ketika bencana banjir pada 2014, ramai penduduk berpindah ke kampung ini.

“Saya tidak menolak kemungkinan pembinaan Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai berhampiran kampung ini menjadi antara faktor kawasan ini dinaiki air,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Menurutnya, sehingga kini dia tidak pasti berapakah jumlah sebenar ikan yang terlepas daripada kolamnya itu.

“Namun saya dapat rasakan jumlahnya agak banyak kerana kebiasaannya ikan akan timbul setiap kali makanan diberikan, namun sebaliknya berlaku selepas kejadian banjir itu.

“Kali terakhir anak ikan dilepaskan sejak setahun lalu dan hampir semua ikan ini sudah mencecah berat sehingga tiga kilogram,” katanya.

Katanya, sebagai persediaan menghadapi banjir gelombang kedua, suaminya memasang jaring setinggi 0.5 meter di sepanjang tebing sungai untuk mengelakkan ikan terlepas.

“Pada masa sama, kami membuka tawaran kepada orang ramai memancing di kolam ini dengan dikenakan bayaran hanya RM7 sekilogram untuk mengelakkan kerugian lebih besar,” katanya.



PROJEK pembinaan lebuh raya (belakang kolam) didakwa menyebabkan penternak ikan patin mengalami kerugian ribuan ringgit.